



PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM KEDAH
JALAN KOLAM AIR
05100 ALOR SETAR
KEDAH DARUL AMAN

IKLAN JAWATAN

- a) Jawatan : **PENOLONG PUSTAKAWAN (GRED S27)**
b) Badan Berkanun : Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah
c) Kumpulan Perkhidmatan : Sokongan
d) Klasifikasi Perkhidmatan : Klasifikasi Perkhidmatan Sosial
e) Jumlah Kekosongan : Satu (1)
f) Taraf Jawatan : Tetap

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
RM1,362.00	RM5,092.00	RM145.00

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) warganegara Malaysia;
b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
c) i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
(Gaji permulaan ialah Gred S27: RM1,362.00) atau
(ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred S27: RM1,362.00); atau
(iii) Diploma Pengurusan Maklumat yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred S27:RM1,661.95);

DAN

- d) Calon hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN

: Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Perpustakaan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pustakawan Gred S27, tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- a) i) Mempunyai kelayakan di perenggan 3(c) di atas; atau
ii) Lulus Peperiksaan Khas; dan
b) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
c) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
d) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

TARAF JAWATAN : Tetap

- PENETAPAN GAJI PERMULAAN** : Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred S27 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN** : Pegawai yang dilantik secara terus atau peningkatan secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN** : Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
- PROGRAM TRANSFORMASI** : Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan Perkhidmatan yang berkenaan.
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN** : Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah;
- a) memenuhi tempoh percubaan;
 - b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
 - c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN** : Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI** : Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.
- PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN** : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Penolong Pustakawan adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
- CARA MEMOHON**
- a) Borang Permohonan boleh didapati di Unit Pentadbiran, Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah dengan dikenakan bayaran RM5.00.
 - b) Setiap permohonan hendaklah disertakan perkara atau dokumen-dokumen seperti berikut:
 - i) Gambar berukuran pasport
 - ii) Salinan Sijil Kelahiran
 - iii) Salinan Kad Pengenalan
 - iv) Salinan Sijil Peperiksaan: dan
 - v) Salinan Sijil Berhenti Sekolah
 - vi) Lain-lain sijil yang berkaitan, jika ada
 - c) Setiap salinan dokumen hendaklah diakui sah.
 - d) Borang yang telah lengkap diisi hendaklah ditulis nama jawatan yang dipohon di sudut atas sebelah kiri sampul surat dan alamat kepada;
- PENGARAH**
PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM KEDAH
JALAN KOLAM AIR
05100 ALOR SETAR
KEDAH DARUL AMAN

CATATAN :

- a) Jabatan ini tidak akan menanggung sebarang perbelanjaan kerana menghadiri temuduga;
- b) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga;
- c) Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas (6) bulan daripada tarikh iklan ini hendaklah menganggap yang permohonannya tidak berjaya.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 20 MAC 2016